

26/04/1997

Cara serang media Barat

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan media di negara Islam turut menyebut `pengganas Kristian' atau `pengganas Katolik' ketika merujuk keganasan yang dilakukan oleh bukan Islam.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu wajar kerana media Barat sering mengaitkan setiap keganasan, yang dilakukan oleh orang Islam sebagai pengganas Islam.

"Jika penganut agama Kristian menjalankan kegiatan pengganas, agama mereka tidak dikait dengan aktiviti itu. Media Barat tidak mengaitkan kegiatan pengganas Irish (IRA) dengan agama mereka. Kenapa tidak.

"Justeru, mengapa tidak media di negara Islam sendiri menggunakan istilah yang sama jika pengganas di Barat melakukan kegiatan keganasan seperti "Pengganas Katolik" ... bunyinya pun sedap juga," katanya dalam sesi dialog Simposium Antarabangsa Mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Sejangat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan seorang peserta luar negara yang mahu tahu bagaimana Islam harus menghadapi serangan media Barat.

Mengenai keadaan umat Islam yang menetap di Barat, Perdana Menteri berkata, kerajaan di Barat harus memberi peluang yang adil kepada mereka.

"Mereka bercakap mengenai pemikiran terbuka dan menasihatkan masyarakat Asia melaksanakan nilai hidup mereka yang dikatakan adil. Tetapi ada orang Islam yang tertindas di negara Barat. Mereka mempunyai peluang untuk menunjukkan sikap adil tetapi tidak berbuat demikian kepada umat Islam," katanya.

(END)